

**POLISI PENGGUNAAN DEWAN KOMPLEKS SUKAN UMP
BAGI AKTIVITI BUKAN ACARA SUKAN/ MAJLIS RASMI**

1. Kelulusan Penggunaan Dewan Kompleks Sukan untuk Majlis-majlis Rasmi Universiti adalah diatas kuasa kelulusan Naib Canselor UMP.
2. Hanya Majlis-majlis Rasmi yang diluluskan oleh Naib Canselor atau Sewaan Pihak Luar sahaja yang dibenarkan menggunakan Penghawa Dingin Utama Dewan (*Main Air-Conditioner*).
3. Majlis/Program/Aktiviti Rasmi yang hendak dianjurkan oleh Fakulti/ Jabatan/ Pusat/ Kelab/ Persatuan Pelajar akan diluluskan setelah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - 3.1 Mendapat kelulusan pejabat Naib Canselor UMP dan kelulusan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) UMP.
 - 3.2 Membuat permohonan melalui surat rasmi dihantar dalam tempoh empat belas (14) hari sebelum Majlis/Program/Aktiviti diadakan.
 - 3.3 Minimum peserta untuk Majlis/Program/Aktiviti yang akan diadakan adalah seramai 1,000 orang peserta pada satu-satu masa.
 - 3.4 Kelulusan akan diberikan sekiranya ada kekosongan.
 - 3.5 Caj sewaan dewan dan penggunaan penghawa dingin akan dikenakan kepada PTJ atau penganjur yang bertanggungjawab.
4. Penganjur hendaklah memastikan kerusi, meja, *booth* dan lain-lain peralatan yang digunakan mempunyai pelapik, tidak tajam dan tidak merosakan permukaan gelanggang. Sekiranya berlaku kerosakan, segala kos baik pulih akan dikenakan kepada pihak penganjur.
5. Majlis/Program/Aktiviti yang melibatkan pemasangan *booth*, *stage* dan lain-lain kelengkapan majlis perlu mendapat kebenaran Pusat Sukan serta diwajibkan menggunakan getah pelapik dan kayu platform (bagi peralatan melebihi 1000 kg).
6. Segala kos pemasangan pelapik permukaan dewan adalah tanggungjawab penganjur, sekiranya ianya tidak dipatuhi Pusat Sukan berhak menghalang program tersebut daripada diteruskan dan segala kerosakan akan diganti oleh penganjur.
7. Persiapan tempat didalam dewan hanya akan dibenarkan untuk meletakkan peralatan, perabot dan memulakan kerja dua (2) hari sebelum majlis berlangsung dan memindahkannya semula selewat-lewatnya satu (1) hari selepas Majlis/Program/Aktiviti berakhir. Masa yang dibenarkan untuk kerja-kerja persiapan dan kemasan adalah dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam hari bekerja sahaja. (kecuali Majlis Konvokesyen UMP)
8. Hanya kerja-kerja pemasangan sahaja dibenarkan dijalankan didalam dewan. Dilarang mengheret barang, meletak peralatan tajam dan melakukan kerja-kerja memotong, menggergaji dan mengecat didalam dewan. Punggahan peralatan dan keperluan hendaklah menggunakan troli beroda.
9. Majlis/Program/Aktiviti yang melibatkan Jamuan Makan Buffet adalah dilarang diadakan didalam Dewan Kompleks Sukan.
10. Penganjur adalah bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebersihan Dewan Kompleks Sukan Universiti sebelum, semasa dan selepas penggunaan.
11. Langkah-langkah keselamatan perlu diberi keutamaan. Pihak Pusat Sukan dan Universiti Malaysia Pahang tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku sebarang kecederaan/kemalangan/kematian kepada pengguna semasa menggunakan kemudahan universiti.
12. Pihak Pusat Sukan berhak membatakan pemohonan yang telah diluluskan tanpa pemakluman awal sekiranya terdapat program/aktiviti Rasmi Universiti/ Kementerian yang perlu diutamakan.
13. Universiti adalah Kawasan Larangan Merokok dan pihak Keselamatan UMP berhak untuk menghalang dan mendenda pengguna terbabit.
14. Pusat Sukan berhak untuk menghalang dan tidak membenarkan mana-mana penganjur/ pengguna yang melanggar polisi ini untuk menggunakan Dewan Kompleks Sukan UMP pada masa akan datang selama dua (2) tahun dan kos-kos baikpulih kerosakan akan dikenakan kepada penganjur.